



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENDEKATAN SENI VISUAL DALAM KONTEKS ETNOGRAFI:
BOBOHIZAN DAN PENGARUHNYA DALAM KEHIDUPAN
MASYARAKAT KADAZANDUSUN**

STACEY ELEV BARITUS GUNGKIT

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan Dengan Kepujian
(Seni Halus)
2016

**PENDEKATAN SENI VISUAL DALAM KONTEKS ETNOGRAFI
: BOBOHIZAN DAN PENGARUHNYA DALAM KEHIDUPAN
MASYARAKAT KADAZANDUSUN**

STACEY ELEV BARITUS GUNGKIT

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2016

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters


PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 8th of June 2016.

Student's Declaration:

I STACEY ELEV BARITUS GUNGKIT (44242) from FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ART Shereby declare that the work entitled PENDEKATAN SENI VISUAL DALAM KONTEKS ETNOGRAFI : BOBOHIZAN DAN PENGARUHNYA DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.


STACEY ELEV BARITUS GUNGKIT (44242)


8/6/2016

Date Submitted

Supervisor's Declaration:

I DR. YAKUP MOHD RAFEE hereby certifies that the work entitled PENDEKATAN SENI VISUAL DALAM KONTEKS ETNOGRAFI : BOBOHIZAN DAN PENGARUHNYA DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (FINE ARTS), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:


DR. YAKUP MOHD RAFEE

Date: 8/6/2016


I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓) :


- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of University Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature 
(Date: 8/6/2016)

Supervisor signature: 
(Date: 8/6/2016)

Current Address:

KAMPUNG DALUNGAN, PETI SURAT 41, 89657, TAMBUNAN, SABAH.


Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

PENGAKUAN

Projek bertajuk **PENDEKATAN SENI VISUAL DALAM KONTEKS ETNOGRAFI : BOBOHIZAN DAN PENGARUHNYA DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN** telah disediakan oleh **STACEY ELEV BARITUS GUNGKIT** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh:




(DR. YAKUP MOHD RAFEE)

Tarikh: 8/6/2026.

PENGESAHAN

Adalah ini diakui bahawa saya, **STACEY ELEV BARITUS GUNGKIT** disertai penulisan yang bertajuk **PENDEKATAN SENI VISUAL DALAM KONTEKS ETNOGRAFI : BOBOHIZAN DAN PENGARUHNYA DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT KADAZANDUSUN** sebagai sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif dalam Program **Seni Halus** diterima.

Disahkan oleh:



(DR. YAKUP MOHD RAFEE)

Penyelia

ABSTRAK

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji pendekatan seni visual dalam konteks Etnografi. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti ciri – ciri etnografi yang boleh diolah kepada penghasilan karya seni visual. Salah satu kaedah yang digunakan dalam menjalankan kajian ini ialah kaedah pengumpulan data daripada kajian etnografi khususnya etnografi dalam kalangan masyarakat KadazanDusun di Sabah. Kajian ini berjaya mengaplikasikan hasil dapatan dari analisis ke dalam konteks penghasilan karya peribadi. Secara kesimpulannya, pengkaji merasa kajian ini boleh diperkembangkan lagi dan boleh digunakan sebagai rujukan kepada yang berminat untuk menjalankan kajian etnografi.

The purpose of this research is to study the visual arts approach in ethnography context. The main objective of this research is to identify the characteristic of ethnography which can be apply onto an artwork. One of the method that had been used is data collection from ethnography research which is the ethnography among the ethnic of KadazanDusun in Sabah. The application of the findings have succeeded through the analysis from this research. As a conclusion, researcher thinks that this research can be improve and can be use as reference to other reserchers who are intrested in conduct ethnography research.

Pengetahuan yang diperoleh dalam penelitian ini dapat digunakan dalam seni visual dalam konteks etnografi dengan memadukan unsur formal seni visual lainnya seperti teknik, media dan teknologi.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam kegiatan pengkaji memulihkan nilai-nilai dengan kajian Etnografi. Kajian Etnografi merupakan pengkaji dan pendekatan bagi kajian tentang kelompok manusia yang berkooperasi bersama hidup dalam suatu kawasan untuk jalinan masyarakat. Secara umumnya, kajian ini ditujukan untuk memahami bagaimana kisi-kisi manusia dalam masyarakat, peran-peran dan koperasi dalam suatu kesatuan kelompok manusia. Hasil kajian ini selanjutnya dapat digunakan untuk memahami dengan lebih terperinci tentang norma, kepercayaan, struktur sosial dan ciri khasdaya yang lain.

Berdasarkan sifat-sifat seni visual dalam etnografi tersebut manusia, pengkaji akan mengintegrasikan pengetahuan dan teknologi visual tersebut hal tersebut ke dalam etnografi yang telah dikaji. Dalam hal ini, Seni Visual berfungsi sebagai ide, pengalaman atau emosi dalam individu untuk membangun daya saing yang salah satunya dapat dihasilkan dengan menggunakan teknologi.

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pendekatan seni visual dalam konteks Etnografi. Kajian ini dimulakan dengan mengenalpasti aspek – aspek etnografi yang penting yang boleh diolah menggunakan pendekatan seni visual. Dalam kajian ini, pengkaji telah mengecilkan skop kajian dengan memilih kajian kes mengenai peranan bobohizan dan pengaruhnya dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun.

Pada akhir kajian ini, pengkaji akan menerapkan hasil dapatan kajian dalam penghasilan karya peribadi. Pengkaji akan mengolah hasil dapatan kajian sains sosial kedalam konteks seni visual dengan menerapkan aspek formal seni visual iaitu prinsip rekaan, unsur seni, ruang, kesatuan, media dan teknik.

1.2 LATARBELAKANG KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji memulakan kajian ini dengan kajian Etnografi. Kajian Etnografi merupakan pengisian dan pendekatan luas terhadap kelompok manusia yang berkongsi persamaan budaya dalam satu kawasan untuk jangka masa yang panjang. Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk memahami tingkah laku sehari-hari manusia seperti interaksi, pertuturan dan kepercayaan ritual sesuatu kelompok masyarakat. Hasil maklumat tersebut boleh digunakan untuk memahami dengan lebih terperinci tentang norma, kepercayaan, struktur sosial dan corak kebudayaan yang lain.

Setelah menegenal pasti aspek – aspek etnografi sesuatu masyarakat, pengkaji akan menggunakan pendekatan Seni Visual untuk memvisualkan hal dapatan kajian etnografi yang telah dikaji. Dalam hal ini, Seni visual bermaksud idea, pengalaman atau ransangan individu untuk melahirkan daya cipta yang indah serta dapat dinilai dan dilihat menggunakan deria

penglihatan manusia. Penghasilan seni visual memerlukan kombinasi Unsur Seni dan Prinsip Rekaan.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

“I learn art as a medium to re-telling stories or whatever happens around me.”

– Syam Asmawi (2011)

Berdasarkan kenyataan tersebut, pengkaji merasa tertarik untuk menghasilkan karya peribadi dengan memaparkan satu penceritaan daripada suku kaum dan kepercayaan pengkaji sendiri iaitu daripada suku kaum Kadazandusun.

Namun begitu, pengkaji ingin menghasilkan sesuatu karya yang mempunyai kajian dan proses penghasilan karya dengan aplikasi aspek formal dan menggunakan hasil kajian etnografi dan *cultural biography studies*. Hal ini demikian kerana Etnografi merupakan satu penceritaan secara lisan dan bertulis sahaja maka ia harus divisualisasikan dengan menerapkan unsur seni dan prinsip rekaan untuk memastikan sesuatu penceritaan etnografi dapat disampaikan dengan lebih efektif dan kreatif.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji dan mengolah ciri – ciri etnografi dan mempersembahkan ke dalam konteks Seni Visual dengan menggunakan pemahaman dan hasil dapatan pengkaji sendiri serta aspek formal dan prinsip seni visual.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah ciri –ciri dari sudut Etnografi yang boleh diolah kepada penghasilan karya seni visual?
2. Apakah aspek –aspek etnografi yang penting dalam sesuatu masyarakat yang menjadi isu dan perlu divisualisasikan?

- RAB 2:**
3. Bagaimanakah isu etnografi dapat diaplikasikan dalam konteks karya seni visual kontemporer?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti ciri – ciri etnografi yang boleh diolah kepada penghasilan karya seni visual.
2. Menganalisa aspek – aspek etnografi yang telah dikenalpasti dalam sesuatu masyarakat untuk di visualisasikan.
3. Mengaplikasikan hasil dapatan dari analisis ke dalam konteks penghasilan karya peribadi.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mencari penyelesaian tentang bagaimana kajian etnografi boleh dijadikan asas penghasilan karya seni visual. Kajian ini perlu untuk mengenalpasti aspek – aspek yang perlu dititik beratkan dan yang penting untuk proses visualisasi. Selain itu, pengkaji juga perlu memahami latarbelakang budaya sesuatu masyarakat lebih dahulu. Oleh itu, pengkaji harus menjalankan kajian etnografi agar setiap aspek penting dapat dikenalpasti.

Selain itu, melalui kajian etnografi pengkaji perlu menganalisa aspek seni visual yang ada pada budaya sesuatu masyarakat. Sebagai contoh, unsur seni yang digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat tersebut seperti peralatan harian, perhiasan, motif dan corak yang melambangkan identiti masyarakat.

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Kajian ini dijalankan untuk melihat intipati Sains Sosial dalam konteks Seni Visual. Menurut Rohana (2003), bidang Sains Sosial adalah suatu disiplin akademik yang mempersoalkan tentang kemanusiaan dalam konteks sosialnya atau mempelajari kehidupan sosial atau lebih tepat mempelajari pola tingkah laku yang lazim ada pada kelompok-kelompok manusia.

Pendekatan kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan etnografi. Menurut buku *Conducting Research In Social Sciences And Management Studies* (2014), etnografi merupakan pengisian dan pendekatan luas terhadap kelompok manusia yang berkongsi persamaan budaya dalam satu kawasan untuk jangka masa yang panjang. Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk memahami tingkah laku sehari-hari manusia seperti interaksi, pertuturan dan kepercayaan ritual sesuatu kelompok masyarakat. Hasil maklumat tersebut boleh digunakan untuk memahami dengan lebih terperinci tentang norma, kepercayaan, struktur sosial dan corak kebudayaan yang lain.

Manakala menurut *Oxford Fajar Ace Ahead* pula, Seni Visual bermaksud idea, pengalaman atau ransangan individu untuk melahirkan daya cipta yang indah serta dapat dinilai serta dilihat menggunakan deria penglihatan manusia. Penghasilan seni visual memerlukan kombinasi Unsur Seni dan Prinsip Rekaan.

Pengkaji memilih Peranan Bobohizan sebagai kajian kes kerana menurut Raymond (1970), pengantara antara manusia di alam nyata dan kuasa – kuasa di alam ghaib merupakan fenomena sejagat yang telah wujud sejak manusia hidup bermasyarakat. Sama seperti kepercayaan ritual masyarakat kadazandusun yang mempunyai intitusi yang menjadi

pengantara antara manusia dan kuasa ghaib. Oleh sebab itu, pengkaji merasa tertarik untuk mengkaji kepercayaan ritual dalam masyarakat kadazandusun kerana mempunyai institusi terpenting iaitu Bobohizan yang boleh diketengahkan dalam penghasilan karya seni visual.

Selain itu, menurut William (1965), spesialis ritual merupakan orang terpenting dalam komuniti Dusun. Pakar ritual dalam komuniti kadazandusun dikendalikan oleh Bobohizan. Bobohizan dipercayai oleh masyarakat kadazandusun sebagai perantara di antara manusia dan makhluk- makhluk di alam ghaib. Pengkaji memilih topik ini kerana hal ini bakal menjadi mitos dan lagenda sahaja pada masa hadapan disebabkan intitusi bobohizan kini sudah berkurangan dan mengalami kepupusan.

Lasimbang (2002) menyatakan bahawa, Kedudukan ataupun status Bobohizan dalam sistem kepercayaan masyarakat ini boleh dikatakan sebagai pusat rujukan, pengetahuan dan sumber maklumat manusia berkaitan dengan alam ghaib. Sekiranya manusia mempunyai masalah yang tidak dapat diselesaikan dan dihuraikan secara nyata, maka Bobohizan akan menjadi pusat rujukan yang paling ideal dan sesuai. Melalui penerangan beliau, jelas dapat dilihat bahawa golongan wanita mempunyai peranan besar dalam sesebuah komuniti.

Menurut Hussin (2003), Bobohizan dianggap mempunyai status sosial yang tinggi yang boleh dicapai oleh wanita tradisional jika dibandingkan dengan lelaki yang hanya memonopoli kepimpinan di kampung. Melalui penyataan tersebut, pengkaji akan mengutamakan watak Bobohizan dalam setiap penghasilan karya seni kerana jelas bahawa wanita mempunyai tanggungjawab yang penting dan golongan Bobohizan ini perlu diperlihatkan kepada umum sebagai penghargaan dan sanjungan.

2.2 LATAR BELAKANG SUKU KAUM , KADAZANDUSUN

Menurut buku *Indigenous Ethnic Communities of Sabah - THE KADAZANDUSUN*, KadazanDusun merupakan etnik majoriti di Sabah. Komuniti KadazanDusun mempunyai kelompok yang berbeza mengikut tempat ataupun daerah. Antaranya ialah, Bonggi, Idaan/Tindal, Dumpaas, Bagahak, Tombinuo/Buludupis, Kimaragang, Liwan, Tangaah, Rungus, Tatanah, Lotud, Bisaya, Tidong dan Kedayan. Secara tradisinya, masyarakat ini mengamalkan penanaman padi sawah dan bukit yang juga menjadi asas kepada pembentukan sosiobudaya mereka.

2.3 SISTEM KEPERCAYAAN KADAZANDUSUN

Menurut Hussin (2003), Masyarakat Kadazandusun mengamalkan sistem kepercayaan yang kompleks. Mereka mempercayai kepercayaan animism dan merupakan kelompok masyarakat yang mempraktikkan “egalitarian” iaitu berpegang kepada konsep kesamarataan dalam kehidupan bermasyarakat dan mengelakkan daripada mengamalkan sistem masyarakat yang berstruktur atau yang mempunyai strata sosial.

2.4 INSTITUSI KAMPUNG TRADISIONAL

Kadazandusun mempunyai empat institusi kampung yang telah diamalkan sejak dahulu lagi. Antara institusi kampung Kadazandusun ialah, Sistem Orang Tua (OT), Sistem Jawatankuasa Kampung, Bobohizan dan Huguan Siou. Dalam Kajian ini, pengkaji akan menumpukan skop kajian kepada Bobohizan.

2.5 BOBOHIZAN DAN PERANANNYA

Bobohizan merupakan pengantara antara manusia dalam alam ghaib. Masyarakat Kadazandusun percaya bahawa bobohizan mempunyai kuasa untuk berkomunikasi dengan roh orang yang telah mati. Bobohizan mempunyai peranan yang sangat penting dalam

masyarakat Kadazandusun. Bobohizan kebiasaanya terdiri daripada kaum wanita yang kebanyakannya telah lanjut usia. Bobohizan juga diperlukan untuk memulakan sesuatu upacara ritual.

Selain itu, Bobohizan juga dianggap mempunyai status sosial yang tertinggi yang boleh dicapai oleh wanita tradisional jika dibandingkan dengan lelaki yang hanya memonopoli kepimpinan kampung. Menurut Lasimbang (2002), Kedudukan ataupun status Bobohizan dalam sistem kepercayaan masyarakat ini boleh dikatakan sebagai pusat rujukan, pengetahuan dan sumber maklumat manusia berkaitan dengan alam ghaib. Sekiranya manusia mempunyai masalah yang tidak dapat diselesaikan dan dihuraikan secara nyata, maka Bobohizan akan menjadi pusat rujukan yang paling ideal dan sesuai.

3.2 KAADAH TENTU BHAI

Pengkaji juga menggunakan data二手的, 雖然不是第一手. Pengkaji merujukkan kepada ia bukan sumber asal-usulnya. Pengkaji merujukkan kepada pengalaman seorang individu yang ditutupi bersama upacara ritual diajukan. Hal ini dimaknai kerana pengkaji juga memahami dengan teliti jalinan dan terperinci agar pengkaji dapat memperoleh makna segala data hasil dari penelitian berikut ini. Selain itu, makna ini maknanya mengenai Bobohizan ini juga terhad deriyata number limah seperti buku dan surau. Oleh itu, tenor buku diisahkan untuk menggabungkan lagi kejadian ini.

Responden yang pertama ialah Pak Berlus Gengkor atau juga pengkaji sendiri. Pengkaji merujuk responden ini kerana responden merupakan anak kepada salah seorang Bapaknya di Tebingan, Sabah atau mendiang Puan Gimbora Gengkor. Pak Berlus

BAB 3 KAJIAN METODOLOGI

3.1 PENGENALAN

Kajian Metodologi dalam kajian ini lebih kepada kaedah kualitatif iaitu kajian budaya (*Cultural studies*). Dalam kajian budaya, pengkaji membuat kajian terhadap setiap upacara ritual yang diamalkan oleh masyarakat Kadazandusun. Pengkaji mengkaji peranan Bobohizan dan hubungankait peralatan ritual bobohizan pada setiap upacara. Hal ini demikian kerana, setiap upacara ritual yang dijalankan menggunakan peralatan ritual yang berbeza-beza.

Melalui kajian budaya tersebut, pengkaji mengolah ataupun menyampaikan hasil intipati daripada konteks sains sosial kedalam konteks seni visual. Dalam proses pengolahan, pengkaji membuat pelbagai eksperimen terhadap komposisi untuk mendapatkan komposisi yang paing sesuai untuk penghasilan karya seni visual. Pengkaji menerapkan aspek representasi menggunakan kaedah naratif dan perlambangan.

3.2 KAEDAH TEMU BUAL

Pengkaji juga mengumpul data melalui kaedah temu bual. Pengkaji menjalankan kaedah ini untuk mendapatkan maklumat tentang pengalaman sebenar individu yang ditemu bual semasa upacara ritual dijalankan. Hal ini demikian kerana, pengkaji ingin memahami dengan lebih jelas dan terperinci agar pengkaji dapat mempersempahkan segala data dan hasil dapatan dalam bentuk seni visual. Selain itu, maklumat-maklumat mengenai Bobohizan ini juga terhad daripada sumber ilmiah seperti buku dan jurnal. Oleh itu, temu bual dijalankan untuk mengukuhkan lagi kajian ini.

Responden yang pertama ialah Encik Baritus Gungkit iaitu bapa pengkaji sendiri. Pengkaji memilih responden ini kerana responden merupakan anak kepada salah seorang Bobohizan di Tambunan, Sabah iaitu mendiang Puan Gimboroi Ginggingo. Pelbagai

maklumat yang telah diceritakan kepada pengkaji mengenai pengalaman – pengalaman beliau melihat sendiri upacara – upacara ritual yang dijalankan oleh ibu beliau. Beliau juga memberi pemahaman yang sangat jelas terhadap peranan bobohizan yang sebenarnya. Antara maklumat yang direkod dan digunakan dalam kajian ini ialah upacara – upacara rual yang dijalankan oleh Bobohizan.

Responden yang seterusnya ialah Cik Judith daripada Muzium Negeri Sabah. Beliau merupakan salah seorang pengkaji budaya yang turut mengkaji upacara ritual di Sabah. Banyak pengalaman yang dikongsikan oleh beliau kepada pengkaji terutama sekali tentang isu – isu peranan Bobohizan kini. Melalui temubual tersebut, pengkaji mendapat lebih pemahaman secara lisan dan ia telah membantu pengkaji untuk lebih menghayati dan memahami dengan lebih mendalam sebelum pengkaji mengamplifikasikan semua dapatan kajian ke dalam bentuk visual.

3.3 KAEADAH PENGUMPULAN DATA

Pengkaji juga turut menggunakan kaedah pembacaan daripada buku rujukan, surat khabar, jurnal dan melalui internet untuk mengumpul maklumat dan memahami subjek kajian. Pengkaji juga telah membuat perbandingan karya – karya etnografi dan karya – karya yang menggunakan alam semula jadi sebagai media dalam penghasilan karya. Selain daripada itu pengkaji telah menyenaraikan meklumat – maklumat tersebut dengan mencatatkan dalam seperti yang ditunjukkan dalam gambar.



Gambar diatas merupakan proses pengumpulan data yang telah dijalankan oleh pengkaji

3.4 KAEADAH EKSPERIMENTASI

Akhir sekali, pengkaji menggunakan kaedah eksperimentasi. Kaedah eksperimentasi dilakukan dalam kajian medium dalam proses *photo transfer*. Pengkaji membuat kaedah eksperimen untuk mendapatkan hasil *photo transfer* yang terbaik agar intipati kajian dapat dipersembahkan dengan menarik. Pengkaji membuat eksperimen terhadap dua medium iaitu diatas permukaan papan kayu dan buluh. Hasil daripada eksperimen tersebut, pengkaji mendapatkan bahawa eksperimen *photo transfer* diatas permukaan buluh menghasilkan kesan yang lebih menarik berbanding kesan *photo transfer* diatas permukaan papan kayu.

Oleh itu, pengkaji telah memilih buluh sebagai media utama dalam penghasilan karya daripada kajian ini. Kaedah pengumpulan pengkarya dan analisa karya juga dijalankan untuk menjana perkembangan idea pengkaji. Melaui analisa karya, pengkaji memperoleh pengetahuan dalam aspek penyampaian makna melalui pengkaryaan seni visual.



Gambar menunjukkan eksperimentasi yang dijalankan oleh pengkaji terhadap permukaan buluh dan permukaan papan kayu.

Bab 4 ANALISA DATA

4.1 JENIS UPACARA RITUAL BOBOHIZAN

Pengkaji telah membuat beberapa analisa dalam kajian ini. Setelah memilih kajian kes untuk kajian ini iaitu peranan bobohizan dalam kalangan masyarakat kadazandusun, pengkaji telah menyenaraikan upacara – upacara ritual yang dijalankan oleh bobohizan. Berikut merupakan jadual analisa data mengenai upacara ritual masyarakat Kadazandusun.

Nama Upacara	Maksud
Magambawon	Memohon cuaca baik (tidak hujan) kerana ada majlis keramaian atau memohon hujan turun kerana kemarau.
Modsurung	Memberi santapan kepada roh si mati di kuburan, malam selepas sahaja dikubur.
Mongias	Upacara tahunan menghormati tengkorak kepala musuh sebagai tanda kepahlawanan. (<i>Memohon agar roh mereka mendapat ketenangan & tidak mengganggu sekeliling</i>)
Mansalud	Memohon bambarayon (semangat/spirit) menjaga semaian padi supaya dihindar dari perosak dan bencana.
Modsopi (<i>house worming</i>)	Upacara pemberkatan menghuni rumah baru
Monguhok	Mengeluarkan roh jahat dari badan seseorang yang dirasuki. (<i>hysteria</i>)


Mamalahas	Doa untuk tapak untuk membina rumah. (Membersihkan tapak & memohon agar orang halus berpindah)
Magambawon Panambayahuan	Doa kesyukuran.

4.2 NAMA PERALATAN RITUAL BOBOHIZAN

Setelah menyenaraikan upacara – upacara tersebut, pengkaji seterusnya membuat analisa mengenai keperluan atau pun peralatan ritual yang digunakan oleh bobohizan untuk menjalankan upacara – upacara tersebut. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa antara bahan yang paling banyak digunakan oleh bobohizan ialah bahan – bahan semulajadi seperti buluh, akar kayu, daun dan sebagainya.

Nama peralatan ritual	Ciri – ciri	Gambar rujukan
Komboungoh	<ul style="list-style-type: none"> • Alat yang terpenting dalam upacara ritual. • Sejenis tumbuhan (<i>Accermus Calamus</i>), batangnya dihiris seperti kepingan manik. • Dijemur dan dijadikan rantai yang disertai dengan manik-manik antik dan tulang binatang. • Disangkut pada tangan kanan Bobohizan semasa upacara ritual. 	 <p><i>Sumber daripada :</i> <i>imgrum@folksofdayak,</i> <i>(http://www.imgur.net/media/1184</i> <i>941886348441055_2248569588)</i></p>
Sindavang	<ul style="list-style-type: none"> • Objek yang diperbuat daripada kepingan-kepingan tembaga yang dijadikan loceng. • Mempunyai lubang dan 	

	<p>disatukan dengan ikatan tali. Kemudian diikat semula ke tangkai yang diperbuat daripada tulang labi-labi atau khinzir.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi untuk menakutkan semangat yang jahat setiap kali bobohizan melakukan upacara. 	 <p><i>Sumber daripada :</i> <i>MySabah.com,</i> <i>(http://www.mysabah.com/mons</i> <i>opiad/house-of-</i> <i>skulls/slides/dsc01207.ph)</i></p>
Air dan tumbuh-tumbuhan yang dianggap sakral	<ul style="list-style-type: none"> • Air khas dianggap sebagai air sacral dan suci untuk mengubati penyakit. (simbolisme sahaja) • Penggunaan air sacral tertakluk kepada jenis upacara. (contohnya, upacara padi, perkahwinan) 	
Pedang (Ceremonial Sword)	<ul style="list-style-type: none"> • Pedang mempunyai sarung yang panjang dan diukir dan dibungkus dengan kain. • Kadangkala pemegangnya akan diikat dengan rambut manusia. Rambut tersebut daripada pahlawan yang terlibat dengan 	 <p><i>Sumber daripada :</i> <i>Buku Traditional Systems of Indigenous Peoples of Sabah, Malaysia, 2002.</i></p>

	<p>pemotongan kepala.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berfungsi untuk menghalau dan menakutkan semangat jahat agar tidak mengganggu kehidupan manusia. 	
Tangkaba (bamboo)	<ul style="list-style-type: none"> • Bobohizan mengetuk-ngetuk tangkaba dengan pedang diatas sekelompok manusia yang berkumpul dan ditutupi kain sambil berpusing-pusing. • Berfungsi untuk menghalau hantu dan menakutkan semangat jahat. 	
Sovian (Bakul)	<ul style="list-style-type: none"> • Bakul kecil yang berbentuk bulat dan bertutup. • Tempat mengisi pelbagai alat ritual bobohizan. • Bakul akan diturunkan dari generasi ke generasi sebagai pusaka yang dimiliki oleh para bobohizan. 	 <p><i>Sumber daripada :</i> <i>Buku Traditional Systems of Indigenous Peoples of Sabah, Malaysia, 2002.</i></p>